

PEMBANGUNAN LAMAN WEB PENCARIAN KERJA DENGAN APLIKASI
SECOND LIFE

ISMAHAFEZI BIN ISMAIL

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Keusahawanan Teknologi Maklumat)

Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2009

Teristimewa buat keluarga tersayang yang mendoakan kejayaan, para sahabat yang bersama berjuang dan para pensyarah yang memberikan ilmu buat bekalan sepanjang hayat di dunia dan akhirat.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya serta keberkatanNya dapatlah saya menyiapkan sepenuhnya Projek ini pada tempoh yang telah ditetapkan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Mohd Shahrizal Sunar dan Dr. Noraini Abu Talib selaku penyelia disepanjang pembangunan projek ini, di mana telah banyak membantu, memberi sokongan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh penyelidikan projek ini. Penghargaan yang tidak terkira buat ibu bapa dan keluarga saya, yang banyak memberi dorongan dan semangat kepada saya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga buat rakan-rakan SKIT7 di atas sokongan yang diberikan dan juga kepada saudari Norliza Mohamad yang telah banyak membantu dalam memberi tunjuk ajar dalam penggunaan aplikasi *second life*.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung dalam menjayakan projek ini dan semoga jasa baik kalian akan dirahmati dan diberkatiNya.

ABSTRAK

Pusat Kerjaya Maya merupakan konsep terkini dalam pembangunan teknologi persekitaran maya di dalam alam yang nyata. Pusat Kerjaya Maya dibangunkan bagi menangani masalah pembaziran masa dan wang ketika proses pencarian kerja dilakukan. Pusat Kerjaya maya mempunyai persekitaran tiga dimensi yang interaktif. Pusat Kerjaya Maya menyediakan satu laman web untuk pemohon pekerjaan mengisi maklumat peribadi dan pihak pengurusan syarikat boleh mengiklankan jawatan kosong. Selain itu, Pusat Kerjaya Maya menyediakan kawasan untuk melakukan temu duga secara atas talian dengan penggunaan *avatar* sebagai medium dan komunikasi menggunakan suara. Selain itu, pameran kerjaya juga boleh dilakukan di Pusat Kerjaya Maya. Pusat Kerjaya Maya membuka dimensi baru bagi mendapatkan pekerja secara efektif dan produktif. Bagi membangunkan Pusat Kerjaya Maya, aplikasi *second life* dan Joomla 1.5 telah digunakan. Metodologi yang dipilih adalah kategori *aplikasi pembangunan pantas* (RAD) berdasarkan pendekatan berorientasikan objek. Syarikat Duo I Enterprise merupakan syarikat peneraju utama pembangunan Pusat Kerjaya Maya. Daripada kajian yang dijalankan, Pusat Kerjaya Maya mampu menghasilkan keuntungan kasar RM 675,000 pada tahun ke tiga perniagaan. Dengan menggunakan modal yang kecil, Pusat Kerjaya Maya dapat mengaut keuntungan bersih sebanyak RM 467,486 pada tahun ketiga. Oleh itu, Pusat Kerjaya Maya wajar dibangunkan bagi memudahkan proses pencarian kerja yang sedia ada.

ABSTRACT

Virtual Career Centre is the latest concept in the development of virtual environment technology in the real time. Virtual Career Centre was developed to overcome the problem of wastage of time and money for the recruitment process. Career Centre has a virtual three-dimensional interactive environment. Virtual Career Centre provides a website for job applicants to fill out personal information and the management company can advertise job vacancies. Virtual Career Centre provides the area to do an interview online with the use of avatar as a medium and using voice communications. In addition, career exhibitions can also be done at the Virtual Centre Career. Virtual Career Centre opens new dimensions to search employees using effectively and productively method. Virtual Career Centre has been developed using second life and Joomla 1.5 application. Methodology selected is Rapid Application Development (RAD) Methodology based on object-oriented approach of Unified Process. Duo I Enterprise is a company leading the development of Virtual Career Centre. From research conducted, Virtual Career Centre is able to generate gross profit to RM 675,000 in three years. With using a small capital, Virtual Career Centre net profit is RM 467,486 on the third year. Therefore, Virtual Career Centre should be developed to facilitate the recruitment process

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ASTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xv
1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Projek	4
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif	7
	1.5 Skop	7
	1.6 Kepentingan Projek	8
	1.7 Ringkasan	9

2	KAJIAN LITERATUR	10
2.1	Pengenalan	10
2.2	Direktori Web	12
2.3	Pembangunan Laman Web	14
2.4	Perisian Pembangunan Direktori	15
2.4.1	Apache 2.2.11	15
2.4.2	PHP Hypertext Preprocessor	16
2.4.2.1	Kelebihan PHP	17
2.4.3	MySQL 5.0.51a	17
2.5	Laman Web Pencarian Kerja	18
2.5.1	Jobstreet.com	19
2.5.2	JobsDB.com	21
2.5.3	JensJobs.com	22
2.5.4	StarJobs Online	24
2.5.5	Kareer.com.my	25
2.5.6	JAC Recruitment	27
2.6	Konsep Realiti Maya	28
2.7	Sistem Realiti Maya	29
2.7.1	Second Life	29
2.7.2	Tahap Penggunaan Second Life	33
2.8	Kajian Pesaing Produk	34
2.9	Ringkasan	36
3	METODOLOGI	37
3.1	Pengenalan	37
3.2	Pemilihan Metodologi	40
3.2.1	Pembangunan Aplikasi Pantas (RAD)	40
3.2.1.1	Justifikasi Pemilihan	44
	Metodologi berasaskan fasa	
3.2.1.2	Fasa Pembangunan Projek	46
3.2.2	Analisis dan Reka bentuk Sistem	48
	Berorientasikan Objek	
3.3	Kaedah Kajian	49

3.4	Penjadualan Projek	50
3.5	Keperluan perkakasan dan perisian	51
3.5.1	Spesifikasi Perkakasan	51
3.5.2	Spesifikasi Perisian	53
3.6	Ringkasan	54
4	REKA BENTUK DAN PERLAKSANAAN SISTEM	55
4.1	Pengenalan	55
4.2	Reka Bentuk Produk	56
4.3	Seni Bina Produk	57
4.4	Reka Bentuk Laman Web Pencarian Kerja	58
4.4.1	Reka Bentuk Pangkalan Data	59
4.4.1.1	Spesifikasi Input	60
4.4.1.2	Spesifikasi Output	60
4.4.2	Reka Bentuk Modul	61
4.4.2.1	Pandangan Pengguna Pihak Pengurusan Syarikat	62
4.4.2.2	Pandangan Pengguna Pemohon Pekerjaan	62
4.4.2.3	Pandangan Pelawat	63
4.4.3	Modul Sistem	63
4.4.3.1	Modul Pendaftaran	63
4.4.3.2	Modul Pihak Pengurusan Syarikat	64
4.4.3.3	Modul Maklumat Pemohon Pekerjaan	66
4.4.3.4	Modul Pertanyaan Maklumat	67
4.4.3.5	Modul Forum	68
4.4.4	Reka Bentuk Antara Muka	69
4.5	Reka Bentuk Pusat kerjaya Maya	69
4.6	Ringkasan	70

5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	71
5.1	Pengenalan	71
5.2	Pencapaian	72
5.3	Penambahbaikan	73
5.4	Kesimpulan	74
	RUJUKAN	75
	RANCANGAN PERNIAGAAN	
	LAMPIRAN A-G	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Senarai Direktori	13
2.2	Analisis Kekuatan dan Kelemahan Pesaing	35
3.1	Kriteria Pemilihan Metodologi	46
3.2	Spesifikasi Minimum Perkakasan	51
3.3	Spesifikasi Perkakasan yang dicadangkan	52
3.4	Spesifikasi Perisian	53
4.1	Spesifikasi Input	60

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
2.1	Paparan Bagi Pemohon Pekerjaan pada Jobstreet.com	20
2.2	Paparan Pihak Pengurusan Syarikat pada Jobstreet.com	20
2.3	Paparan Bagi Pemohon Pekerjaan pada JobsDB.com	21
2.4	Paparan Bagi Pihak Pengurusan Syarikat pada JobsDB.com	22
2.5	Paparan Bagi Pemohon Pekerjaan pada JensJobs.com	23
2.6	Paparan Bagi Pihak Pengurusan Syarikat pada JensJobs.com	23
2.7	Paparan Bagi Pemohon Pekerjaan pada StarJobs Online	24
2.8	Paparan Bagi Pihak Pengurusan Syarikat pada StarJobs Online	25
2.9	Paparan Bagi Pemohon Pekerjaan pada Kareer.com.my	26
2.10	Paparan Bagi Pengurusan Syarikat pada Kareer.com.my	26
2.11	Paparan Bagi Muka Hadapan pada JAC Recruitment	27

2.12	Paparan pendaftaran <i>Second Life</i>	30
	Paparan perisian klien <i>Second Life</i>	
2.13	Paparan <i>avatar</i> pengguna di dalam <i>second life</i>	31
2.14	Penggunaan <i>Second Life</i> Mengikut Negara	32
2.15	Perbandingan Umur Dan Jantina Pengguna <i>Second Life</i>	33
2.16	Pusat Kerjaya TMP WORLDWIDE	36
3.1	Metodologi Pembangunan Berasaskan Fasa	42
3.2	Metodologi Berasaskan Prototaip	43
3.3	Metodologi Pembuangan Prototaip	44
4.1	Senibina Sistem Pusat Kerjaya Maya	57
4.2	Paparan hierarki Modul	62
4.3	Antara Muka Modul Pendaftaran	64
4.4	Antara Muka Modul Maklumat Syarikat	65
4.5	Antara Muka Modul Mengiklankan Jawatan	65
4.6	Antara Muka Modul Maklumat Pemohon Pekerjaan	66
4.7	Antara Muka Modul Pertanyaan Maklumat	67
4.8	Antara Muka Modul Forum	68
4.9	Pusat Kerjaya Maya	70

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Carta Gantt
B	Rajah Kes Guna
C	Jadual Pangkalan Data Bagi Pemohon Pekerjaan
D	Jadual Pangkalan Data Bagi Maklumat Pekerjaan
E	Reka Bentuk 3d Menggunakan Aplikasi Second Life

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Penggunaan teknologi maklumat tanpa sempadan semakin meluas diaplikasikan di Malaysia. Pelbagai sistem dan peralatan teknologi terkini telah diperkenalkan bagi memudahkan kehidupan seharian. Sistem maklumat yang pantas dan produktif ini telah digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat dari generasi ke generasi. Pelbagai sektor dan industri juga menggunakan sistem teknologi maklumat bagi memudahkan proses pekerjaan serta bagi mendapatkan keuntungan berlipat kali ganda. Sesungguhnya, era teknologi maklumat menjadi satu revolusi anjakan paradigma bagi rakyat Malaysia selepas kegemilangan era perindustrian.

Aplikasi teknologi maklumat yang digunakan turut diaplikasikan di dalam proses pencarian pekerja. Menurut Muhamad Ali Embi (2008), sudah menjadi lumrah mahasiswa dan mahasiswi serta rakyat Malaysia mencari maklumat

pekerjaan menggunakan teknologi laman web. Ini disebabkan oleh penggunaan laman web merupakan proses yang lebih cepat, pantas dan tepat. Selain itu, teknologi laman web juga digunakan oleh pihak pengurusan syarikat untuk mencari pekerja dengan lebih efisien. Terdapat pelbagai laman web yang telah dibangunkan untuk membantu menyelaraskan kehendak majikan dan pemohon pekerjaan.

Teknologi maklumat dan Internet tidak boleh dipisahkan. Apabila isu teknologi maklumat diutarakan, maka isu Internet akan turut dibicarakan. Internet merupakan media yang sering digunakan dan menjadi jambatan menghubungkan antara bakal pekerja dan majikan. Penggunaan Internet yang meluas dan mudah didapati menyebabkan Internet merupakan pilihan utama bakal pekerja dan pihak pengurusan syarikat untuk menyelesaikan isu pekerjaan. Pengguna Internet juga bertambah dari masa ke semasa. Tidak hairanlah pada masa kini, kanak-kanak di awal usia sudah mengenali Internet dan dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan tersebut. Internet merupakan punca penggunaan teknologi tanpa sempadan yang semakin meluas di Malaysia.

Maklumat yang disebarkan melalui Internet sudah menjadi sesuatu yang asas dan amat penting dalam sektor pekerjaan. Laman web mencari pekerjaan secara atas talian semakin bertambah. Sesebuah laman web mencari pekerjaan menyediakan maklumat kerja kosong dan kriteria yang diperlukan oleh sesebuah organisasi. Selain itu, maklumat peribadi bakal pekerja turut terdapat di dalam laman web mencari pekerja. Selain daripada menggunakan laman web, pihak pengurusan syarikat dan bakal pekerja turut menghadiri pameran kerjaya yang diadakan di institusi pengajian tinggi dan sebagainya untuk memenuhi keperluan semasa. Pelbagai maklumat diperoleh dari pameran kerjaya yang diadakan.

Selepas proses pengisian maklumat pekerjaan, proses selanjutnya adalah proses temu duga. Proses temu duga merupakan proses terpenting di dalam

pekerjaan. Proses ini menentukan masa hadapan seseorang. Setiap individu perlu menempuhi proses temu duga sebelum mendapat tawaran pekerjaan. Terdapat pelbagai peringkat temu duga sebelum seseorang itu layak di ambil bekerja. Proses temu duga peringkat saringan merupakan aktiviti wajib yang dilakukan oleh pihak pengurusan syarikat setiap kali terdapat jawatan kosong yang ingin ditawarkan. Pihak syarikat dan pencari kerja perlu melaburkan duit dan masa mereka untuk sebelum seseorang dipanggil untuk ditemu duga. Pembaziran masa dan wang telah berlaku dalam proses mencari sesuatu pekerjaan.

Dengan menggunakan teknologi maklumat dan kemudahan Internet yang sedia ada, hubungan di antara proses mencari pekerjaan dan proses temu duga peringkat penyaringan boleh disepadukan. Konsep realiti maya yang amat meluas digunakan di Eropah dan negara membangun boleh diadaptasikan di Malaysia. Dengan menggunakan teknologi realiti maya, suatu pusat kerjaya secara realiti maya dibangunkan. Dengan menggunakan sistem ini, pihak pengurusan pekerja dan bakal pekerja boleh berinteraksi dan melakukan proses temu duga peringkat saringan secara mudah. Pameran kerjaya juga boleh dilakukan secara atas talian di mana seluruh pencari kerja boleh menghadiri pameran kerja berkonsepkan realiti maya walaupun di mana jua pencari kerja dan pihak pengurusan syarikat berada. Para bakal pekerja dan pihak pengurusan syarikat boleh menghadiri pameran kerjaya ataupun temu duga peringkat saringan menggunakan komputer dan perkhidmatan Internet melalui penggunaan pusat kerjaya realiti maya.

Penggunaan teknologi realiti maya bukanlah untuk menghapuskan proses temu duga yang sedia ada tetapi adalah bagi menambahkan nilai dan memudahkan urusan semua pihak. Proses temu duga sebenar masih diperlukan kerana ianya penting sebelum pihak pengurusan mengambil keputusan untuk mengambil seseorang bekerja. Dengan penggunaan konsep ini, proses mencari pekerjaan dilihat lebih cepat dan berkesan. Pihak pengurusan syarikat akan mendapat bakal pekerja melalui proses yang lebih cekap dan produktif. Kesan daripada penggunaan teknologi maya ini sama dengan keadaan di dunia sebenar. Pusat kerjaya realiti maya

akan digabungkan dengan laman web pencarian kerja akan menjadi pilihan organisasi dan pencari pekerjaan di dalam dan luar negara. Sasaran pasaran bagi pusat kerja realiti maya ini adalah syarikat korporat yang memerlukan tenaga kerja secara mahir dalam bidang yang berkepentingan tinggi. Oleh itu, penggunaan konsep terkini realiti maya dan pembangunan pusat kerjaya realiti maya adalah wajar diperluaskan dari semasa ke semasa bagi memudahkan kehidupan seharian dan penambahbaikan proses mencari pekerjaan yang sedia ada.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pada dasarnya, proses pencarian kerja dilakukan menggunakan laman web atau menghadiri pameran kerjaya. Seterusnya, pemohon yang layak akan dipanggil ke temu duga saringan. Pemohon yang berjaya pada temu duga saringan akan dipanggil ke temu duga terakhir dan calon yang berkaliber akan layak mendapat jawatan yang dipohon. Bagi mendapatkan calon ditemu duga, pihak pengurusan syarikat membayar pengiklanan kerja dengan menggunakan sistem laman web pencarian kerja yang sedia ada. Selain itu, pihak pengurusan syarikat perlu menghadiri pameran kerjaya di seluruh Malaysia untuk mendapatkan calon untuk ditemu duga. Ini sudah pasti melibatkan kos pentadbiran syarikat kerana pihak pengurusan perlu membayar kos penyewaan tapak pameran, ko pengangkutan, kos penginapan pekerja dan kos makanan serta minuman pekerja yang terlibat di dalam pameran kerjaya tersebut. Selain itu, masa yang digunakan oleh pihak pengurusan syarikat untuk menghadiri pameran kerjaya dapat dijimatkan dan digunakan secara produktif.

Secara lazimnya, pihak pemohon pekerjaan mengisi maklumat peribadi di laman web pencarian kerja yang sedia ada dan menghadiri pameran kerjaya yang

berhampiran mereka. Ini menghadkan permintaan para pemohon pekerjaan kerana untuk menghadiri pameran kerjaya yang jauh dari tempat kediaman mereka melibatkan kos yang tinggi termasuklah kos penginapan, kos pengangkutan dan kos makanan serta minuman. Malahan, masa para pemohon pekerjaan perlu dikorbankan semata-mata untuk menghadiri pameran kerjaya yang berjauhan dengan kawasan pemohon. Bayangkanlah jika pemohon pekerjaan berada di luar negara, betapa sukarnya ingin menghadiri pameran kerjaya yang dilakukan di Malaysia. Bagaimanakah pula jika ingin menghadiri temu duga saringan. Adakah perlu pemohon pekerjaan yang berada di luar negara atau pemohon yang berada di semenanjung Malaysia pergi ke temu duga saringan tersebut. Bayangkanlah kos yang terlibat untuk menghadiri temu duga peringkat saringan ini, sedangkan kebanyakan pemohon kerjaya ini adalah terdiri daripada mahasiswa mahasiswi yang baru sahaja tamat pengajian mereka.

Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat masa kini, adakah kaedah pameran kerjaya dan temu duga saringan secara tradisional ini dapat memberi impak maksima kepada pemohon pekerjaan dan pihak pengurusan syarikat yang menawarkan jawatan pekerjaan. Pusat Kerjaya Maya merupakan pemudah cara bagi menambahbaikkan proses mencari pekerjaan secara tradisional. Dengan wujudnya teknologi Pusat Kerjaya Maya, peluang pekerjaan semakin dapat diluaskan dan diterokai sepenuhnya oleh bakal pemohon pekerjaan. Malahan, pihak pengurusan syarikat dapat menggunakan sepenuhnya teknologi realiti maya ini bagi menguruskan kaedah pengambilan pekerja. Semua pihak terlibat hanya perlu menggunakan komputer dan Internet untuk mengaplikasikan teknologi realiti maya ini. Sesungguhnya, kuasa teknologi tanpa batasan mampu mengubah perjalanan hidup seseorang manusia. Dunia maya dan dunia sebenar tiada sempadannya.

1.3 Penyataan Masalah

Proses pencarian kerja pada masa kini melibatkan proses pengisian maklumat secara atas talian pada laman web pencarian kerja. Proses menghadiri pameran kerjaya yang sebenar serta proses temu duga peringkat saringan secara tradisional dilihat tidak efektif sejajar dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat membangun. Masa dan kos yang terlibat dalam proses pencarian pekerjaan dan pencarian pemohon pekerjaan perlu dikurangkan dan digunakan pada tahap yang paling minimum. Pusat Kerjaya Maya dibangunkan demi memenuhi kehendak para pemohon pekerjaan dan pihak pengurusan syarikat yang ingin mengaplikasikan teknologi terkini demi memudahkan proses mengambil pekerjaan. Dengan wujudnya Pusat Kerjaya Maya ini, pihak pengurusan dapat meringankan beban untuk menghadiri pameran kerjaya dan memilih calon untuk temu duga peringkat saringan yang melibatkan calon pemohon yang ramai. Pada kaca mata pemohon pekerjaan, Pusat Kerjaya Maya ini merupakan tempat untuk menerokai alam pekerjaan yang paling mudah dan produktif.

1.4 Objektif

Tujuan projek ini adalah membangunkan sistem Pusat Kerjaya Maya. Objektif dalam pembangunan sistem ini adalah:

- i. Membangunkan sebuah laman web pencarian kerja secara atas talian.
- ii. Membangunkan model sistem maya yang kelihatan seperti keadaan dunia yang sebenar bagi membolehkan para pengguna sistem merasai seperti situasi yang sebenar walaupun berada di persekitaran maya.
- iii. Menggabungkan aplikasi sistem maya dengan sistem laman web pencarian kerja.

1.5 Skop

Sebelum proses pembangunan sistem, skop projek telah ditetapkan bagi memenuhi kehendak pengguna sistem. Berikut merupakan skop yang telah dikenal pasti:

- i. Sistem laman web yang dibangunkan berkonsepkan laman web pencarian pekerjaan melibatkan pendaftaran pengguna dan pihak pengurusan syarikat.
- ii. Kajian yang dilakukan berdasarkan pemerhatian terhadap proses sebenar pencarian pekerjaan dilakukan dan direalisasikan di dalam persekitaran maya.
- iii. Sistem maya yang dibangunkan perlu menyokong sistem interaksi secara atas talian pada masa yang sebenar dan melibatkan modul 3D dan avatar bagi menggantikan manusia sebenar di persekitaran maya.

1.6 Kepentingan Projek

Sistem yang dibangunkan ketika ini merupakan penambahbaikan proses pencarian pekerjaan yang sedia ada. Kesan penggunaan sistem ini mampu mengubah masa hadapan seseorang kerana kecekapan sistem ini mampu membantu pemohon pekerjaan mencari kerja yang sesuai dan menolong pihak pengurusan syarikat mendapatkan pekerja secara produktif dan berkesan.

Sistem ini mampu merealisasikan impian pengguna sistem yang sebelum ini tidak boleh atau mustahil hendak digapai bagi memenuhi kehendak proses pencarian pekerjaan. Tidak kira di mana pemohon pencarian pekerjaan dan pihak pengurusan syarikat berada, selagi komputer dan Internet berada di hadapan mata proses komunikasi dan pertemuan antara kedua belah pihak masih boleh dijalankan secara maya. Walaupun temu duga peringkat saringan dan pameran kerjaya dilakukan secara maya, tetapi kesan terhadap pemohon pekerjaan adalah sama seperti di dunia sebenar kerana ia melibatkan proses pekerjaan. Pemohon yang melepasi temu duga saringan secara maya sahaja yang layak dipanggil pihak pengurusan syarikat bagi temu duga sebenar. Ini menunjukkan yang pentingnya temu duga secara saringan walaupun dilakukan pada sistem maya. Jika pemohon pekerjaan tidak bersedia menggunakan sistem ini dengan baik, ini boleh menjejaskan reputasi pemohon tersebut di mata pihak pengurusan syarikat.

Sistem ini mampu membantu pihak pengurusan syarikat bukan sahaja untuk mengiklankan jawatan kosong di syarikat tersebut malahan untuk melakukan proses temu duga secara saringan secara berkumpulan ataupun individu. Selain itu, karnival kerjaya yang akan dijalankan akan dihadiri oleh semua pihak tidak kira dari dalam dan luar negara. Kekangan masa dan wang sudah boleh dikurangkan dan tidak akan membebankan kedua belah pihak.

1.7 Ringkasan

Sistem Pusat Kerjaya Maya ini akan dibangunkan dengan melibatkan dua komponen penting. Komponen pertama adalah laman web pencarian pekerjaan dan komponen yang kedua adalah sistem Pusat Kerjaya Maya. Sistem ini mampu membantu pihak pengurusan syarikat mendapatkan pekerja mahir dengan lebih mudah, produktif dan berkesan. Pada pihak pemohon pekerjaan, sistem maya ini mampu membuka peluang yang lebih banyak untuk mendapatkan pekerjaan demi masa hadapan pemohon pekerjaan. Sistem Pusat Kerjaya Maya ini dibangunkan bertujuan untuk menambahbaikkan proses pencarian kerja secara tradisional. Pembangunan sistem maya bukanlah bertujuan menghapuskan sistem temu duga kerana sistem temu duga sebenar tetap perlu dijalankan. Sistem maya akan membantu pihak pengurusan syarikat dan pemohon ketika temu duga peringkat saringan dijalankan. Maka, hanya pemohon pekerjaan yang terbaik sahaja akan dipanggil oleh pihak pengurusan untuk proses temu duga sebenar di syarikat mereka. Selain itu, sistem ini mampu mengubah proses pameran kerjaya yang dijalankan secara tradisional.

Sebelum membangunkan sistem, masalah utama proses pencarian pekerjaan dikenal pasti. Objektif yang jelas telah diatur serta skop sistem yang memenuhi spesifikasi yang diperlukan telah ditetapkan bagi dijadikan panduan pembangunan projek Pusat Kerjaya Maya.